



MASRI (tengah) bersama peserta kursus berkenaan.

Pembangunan diri, organisasi melalui NLP

4B 08-12-2012 B1

BAHAGIAN Perumahan dan Hospitaliti (BPH) Universiti Malaysia Sabah (UMS) telah mengadakan Kursus Pembangunan Diri dan Organisasi Siri 3/2012 melalui kaedah *Neuro-Linguistic Programming* (NLP) baru-baru ini.

Program yang diadakan di Bilik Seminar Anjung Siswa, Jabatan Hal Ehwal Pelajar (HEP) itu telah disertai seramai 20 peserta yang terdiri daripada para pegawai dan kakitangan BPH dari Kampus Induk UMS Kota Kinabalu dan UMS Kampus Antarabangsa Labuan (UMS-KAL).

Pengerusi penganjur Masri Judah berkata, objektif bengkel itu merupakan antara sasaran BPH dalam memenuhi keperluan petunjuk prestasi utama jabatan yang telah ditetapkan bagi tahun 2012.

Beliau berkata, ia bertujuan memberi pendedahan kepada kakitangan mengenai aplikasi NLP yang boleh meningkatkan keberkesanan yang tinggi dan mampu membentuk serta menambah baik kecemerlangan diri pegawai dan kakitangan khususnya di BPH.

“Program seumpama ini

amat berguna sekali dan memberi input terbaik kepada peserta untuk menjadi seorang kakitangan yang berkeyakinan tinggi, mampu membina pemikiran yang positif, dan meningkatkan keyakinan dan harga diri bagi mengatasi sikap negatif yang menghalang perkembangan diri peserta.

“Peserta juga dapat mengenali diri dan orang sekeliling dalam membentuk hubungan yang lebih erat dan harmoni sesama individu, keluarga dan rakan sekerja,” katanya.

Masri berkata demikian ketika menyampaikan

ceramah berkenaan peranan NLP dalam pembangunan diri dan organisasi pada program itu.

Sepanjang program, peserta telah didedahkan dengan beberapa kaedah serta berpeluang untuk berlatih menggunakan kekuatan minda seperti mengenali personaliti diri, mengaplikasikan kekuatan minda bawah sedar serta kemahiran berunding dengan menggunakan titik selesa yang telah disampaikan oleh penceramah yang merupakan pengamal NLP.